

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.04.2018**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos bagi pembangunan dan penyelenggaraan Sistem ePerolehan Baharu yang digunakan sejak 1 Januari 2018, serta apakah masalah ketidakstabilan sistem tersebut yang telah dikenalpasti dan apakah ia telah ditangani.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membangunkan Sistem Perolehan Elektronik (Sistem eP) sebagai salah satu inisiatif untuk memodenkan urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang diguna pakai oleh semua Agensi Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2000 bagi meningkatkan tadbir urus perolehan Kerajaan di peringkat